

05 NOV 2003

ABDULLAH BERBUKA BERSAMA ANGGOTA KABINET

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengadakan majlis berbuka puasa untuk anggota Kabinetnya yang turut dihadiri menteri yang bukan beragama Islam di hari ke-10 bulan Ramadan di sini malam ini.

Turut hadir pada majlis berbuka yang diadakan di Kediaman Rasmi Timbalan Perdana Menteri, iaitu kediaman beliau sekarang, ialah beberapa timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

Abdullah sebelum ini ialah Timbalan Perdana Menteri.

Kemesraan antara para menteri jelas kelihatan ketika sama-sama menikmati pelbagai juadah berbuka yang disediakan.

Mereka yang beragama Islam kemudiannya menunaikan solat maghrib, isyak dan tarawih.

Pagi tadi, Abdullah mempengerusikan mesyuarat jemaah menteri pertamanya selaku Perdana Menteri selepas dilantik memegang jawatan itu Jumaat lepas menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA  
MAM MAM MOZ